

## BAHAGIAN PELESENAN

### SYARAT-SYARAT AM BAGI KELULUSAN TADIKA / TASKA / TASKI / ASUHAN

Bil	Perkara
1.	Ruang bilik minima bagi seorang murid ialah 16 kaki persegi.
2.	Ruang bilik minima bagi seorang guru ialah 60 kaki persegi.
3.	Dinding dalam di tempat bekerja / stor tadika / taska / taski / asuhan hendaklah disudahi bahan kalis air yang senang dicuci dan berwarna ringan seperti “epoxy”, kaca, marmar, keluli dan bahan yang sama jenisnya.
4.	Lantai hendaklah berkonkrit dan kuat serta berwarna ringan (cerah) / (light colour) seperti “epoxy floor”, lantai ubin, “vinyl”, “floor hardener” dan bahan yang sama jenisnya.
5.	Tiap-tiap bilik hendaklah mempunyai tingkap minima 10% dari luas lantai bilik itu.
6.	Tadika / taska / taski / asuhan hendaklah mempunyai bilik tandas lelaki dan perempuan yang berasingan serta kemudahan-kemudahan mencuci tangan seperti sinki dan besen yang sempurna dan mencukupi.
7.	Menutup semua soket elektrik dengan selamat di atas dinding.
8.	Setiap pusat asuhan hendaklah dipasang kipas dan lampu yang mencukupi dan memuaskan.
9.	Tadika / taska / taski / asuhan hendaklah mempunyai pusat pembuangan sampah dan tong-tong sampah bertudung yang sempurna dan Mencukupi serta berkeadaan bersih.
10.	Alat-alat permainan hendaklah selamat dan bersih.
11.	Pagar premis pusat asuhan hendaklah jenis yang tidak berkarat.
12.	Pengendali makanan hendaklah membuat pemeriksaan perubatan dan suntikan TY2.
13.	Tadika / taska / taski / asuhan hendaklah mempunyai kemudahan rawatan perubatan kecemasan yang lengkap dan mencukupi seperti peti ubat dan lain-lain alat perubatan yang perlu untuk kegunaan pekerja dan kanak-kanak.
14.	Mengadakan alat pemadam api yang sempurna dan mencukupi yang diluluskan oleh pihak bomba.
15.	Mempamerkan papan tanda “dilarang merokok” (ukuran 40smX50sm), “utamakan keselamatan”, “menjaga kebersihan” dan “menggunakan alat pelindungan” yang sempurna dan mencukupi.
16.	Memberi nama syarikat kutipan sampah tadika / taska / taski / asuhan yang dileesenkan oleh pihak MDKS ( Majlis Daerah Kuala Selangor ).
17.	Tadika / taska / taski / asuhan hendaklah mempunyai pengudaraan (ventilation) dan cahaya (lighting) yang sempurna dan mencukupi.
18.	Semua tadika / taska / taski / asuhan dan kawasan sekitarnya hendaklah bebas daripada serangga dan rodensia / haiwan.
19.	Memastikan keadaan sekeliling tida bunyi bising, kacau ganggu kepada penduduk sekitar atau boleh mencemarkan alam sekitar.
20.	Dilarang menghalang mana-mana laluan pekerja, tempat letak kenderaan, longkang,pintu masuk / keluar dan tangga serta kaki lima, lorong dan jalan.
21.	Dilarang menggunakan mana-mana bilik / ruang di premis untuk tempat tidur (penginapan) atau untuk makan dan sebagainya tanpa kebenaran MDKS.

<b>Bil</b>	<b>Perkara</b>
22.	Tadika / taska / taski / asuhan hendaklah mempunyai sistem bekalan air Jabatan Bekalan Air / Elektrik dan sistem pembetungan yang sempurna dan berkeadaan baik / selamat.
23.	Sentiasa menjaga kebersihan dan keselamatan tadika / taska / taski / asuhan dan persekitarannya.